

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Kepada Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendekatan Produk (LPP) ini direkabentuk untuk memberikan anda beberapa maklumat penting mengenai insurans perjalanan anda.



Pelanggan lain telah membaca LPP ini dan mendapati ia bermanfaat;

anda juga digalakkan membacanya.

Tarikh:

1 Apakah SmartBusiness Traveller?

Produk ini merupakan insurans perjalanan berkumpulan yang disediakan untuk pekerja yang melakukan perjalanan ke luar negara atas urusan perniagaan. Ia menawarkan perlindungan menyeluruh terhadap pelbagai kecemasan termasuk kemalangan diri, kos rawatan perubatan, pemindahan dan penghantaran pulang atas sebab perubatan, kesulitan perjalanan, serta liabiliti peribadi.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan premium tahunan **RM180**, seorang lelaki berumur 30 tahun yang memilih Pelan International - Standard dengan asas bernama di kawasan 1 akan menerima **perlindungan** berikut:

Polisi ini meliputi :	Polisi ini tidak termasuk :
1. Kematian dan Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan – RM250,000 setiap orang 2. Manfaat Lawatan Ihsan (disebabkan kematian orang yang diinsuranskan) – RM5,000 setiap orang 3. Manfaat Luka Kebakaran yang Serius (akibat kemalangan) – RM10,000 setiap orang 4. Manfaat Pendidikan Kanak-kanak – RM10,000 setiap kejadian 5. Perbelanjaan Pengebumian – RM2,500 setiap orang 6. Perbelanjaan Perubatan, Hospital dan Rawatan – RM100,000 setiap orang 7. Rawatan Perubatan di Malaysia – RM10,000 setiap orang 8. Perubatan Alternatif – RM500 setiap orang 9. Elaun Hospital – RM350 setiap hari, sehingga maksimum RM10,500 setiap orang 10. Lawatan Ihsan (kerana kemasukan ke hospital orang yang diinsuranskan ke hospital) – RM5,000 setiap orang 11. Pemindahan / Penghantaran Pulang Perubatan Kecemasan – RM100,000 setiap kejadian 12. Penghantaran Pulang Jenazah – RM100,000 setiap kejadian 13. Pembatalan / Penangguhan¹ – RM10,000 setiap orang 14. Pemendekan Perjalanan – RM10,000 setiap orang 15. Kelewatan Perjalanan (RM200 untuk 6 jam pertama diikuti RM300 untuk setiap 6 jam seterusnya secara berturut-turut) – RM2,000 setiap orang 16. Terlepas Sambungan Perjalanan – RM250 setiap orang 17. Ketinggalan Perlepasan – RM1,000 setiap orang 18. Terlebih Tempah (RM200 untuk setiap 6 jam berturut-turut) – RM3,000 setiap orang 19. Laluan Perjalanan Diubah – RM250 setiap orang 20. Kelewatan Bagasi (RM200 untuk setiap 6 jam berturut-turut) – RM800 setiap orang 21. Bagasi dan Harta Perniagaan – RM2,500 setiap orang 22. Kehilangan Wang Peribadi dan Dokumen Perjalanan – RM2,500 setiap orang 23. Kehilangan Kad Kredit – RM5,000 setiap orang 24. Bayaran Tebusan akibat Penculikan & Tahanan – RM100,000 setiap orang 25. Liabiliti Peribadi – RM1,000,000 setiap orang 26. Perbelanjaan Penggantian Pekerja /Perbelanjaan Penyambungan Tugasan – RM5,000 setiap kejadian 27. Yuran Pengambilan Pekerja Utama (kematian akibat kemalangan) – RM5,000 setiap orang 28. Pengecualian Lebihan Kereta Sewa – T/B 29. Kecurian Peralatan Elektronik Perniagaan – T/B 30. Peralatan Golf – T/B Nota: ¹Insurans mesti dibeli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum permulaan perjalanan.	• Sebarang penyakit sedia ada. • Perjalanan bertentangan dengan nasihat perubatan • Pembatalan atau Penjadualan Penerbangan semasa Perjalanan (melainkan perlindungan tambahan dibeli) • Pandemik (melainkan perlindungan tambahan dibeli) • Melibatkan diri dalam aktiviti luar pesisir, pengendalian bahan letupan • Kerugian atau perbelanjaan yang menyebabkan kami melanggar sebarang sekatan perdagangan atau ekonomi • Peperangan, tindakan musuh asing, radiasi atau pencemaran oleh radioaktiviti • Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS), Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) • Bunuh diri atau mencederakan diri dengan sengaja, kehamilan • Sukan profesional atau berbahaya, perlumbaan • Jika anda adalah ahli krew pesawat • Di bawah pengaruh alkohol atau dadah, sakit mental • Kerugian turutan atau kerosakan dalam apa jua bentuk Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

Dengan membayar premium tambahan sebanyak **RM50**, anda boleh memperluaskan perlindungan untuk merangkumi:

- Pembatalan atau Penjadualan Penerbangan semasa Perjalanan – **Pelan Standard**

• Perlindungan Pendemik (untuk perjalanan luar negara) – Pelan Standard			
Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai polisi insurans perjalanan anda, anda boleh:			Maklumat BNMLINK untuk aduan / pertanyaan:
 Hubungi kami di 1300 13 2121 atau +603 3007 2121	 Layari laman web kami di: SmartBusiness Traveller Generali Malaysia	 E-mel kami di: customer.service.gi@generali.com.my	 Imbas kod QR di atas
			Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur. Tel: 1-300-88-5465 (Luar Negara: +603 2174 1717) Laman Web BNMLINK: bnm.gov.my/BNMLINK

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk polisi insurans perjalanan ini, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Perlindungan Standard	RM180 (tahunan)
Perlindungan Tambahan	RM50 (tahunan)
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM230	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti Setem	RM10.00
Komisen (Hanya terpakai jika produk dijual melalui pengantara)	25% daripada premium atau RM57.50
Cukai Perkhidmatan	T/B untuk perjalanan luar negara

Kebolegunaan duti setem dan cukai perkhidmatan yang digunakan, atau sebarang cukai lain adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia yang berkuat kuasa.

4 Terma Utama Lain

• Permulaan perlindungan: Semua perjalanan mesti bermula di Malaysia • Anda mesti mendedahkan semua fakta penting yang anda tahu atau patut tahu, termasuk aktiviti peribadi yang boleh mempengaruhi profil risiko. • Tuntutan: Jika berlaku kemalangan yang menimbulkan tuntutan, anda hendaklah memaklumkan kepada kami tidak lewat daripada 45 hari dari kejadian tersebut. Semua dokumen sokongan yang mengesahkan kerugian bagi tuntutan anda hendaklah dikemukakan kepada kami. • Individu Yang Layak: ◦ Warganegara Malaysia, pemastautin tetap, pemegang pas pekerjaan/permit kerja dan mereka yang menetap secara sah di Malaysia. ◦ Individu yang Diinsuranskan mestilah berumur sekurang-kurangnya 18 tahun dan sehingga 75 tahun pada permulaan tempoh insurans. • Waranti Premium: Premium penuh mesti dibayar kepada kami atau pengantara kami yang sah dalam tempoh 60 hari dari tarikh permulaan perlindungan. • Tujuan Perjalanan – Manfaat yang disediakan di bawah pelan ini hanya digunakan untuk tujuan perniagaan (tidak termasuk penempatan sementara atau penempatan jangka panjang) dan perjalanan peribadi sampingan. Sebarang perjalanan peribadi sampingan yang diambil sama ada sebelum, semasa atau serta-merta selepas perjalanan perniagaan yang dibenarkan, dihadkan kepada maksimum 5 hari. Perlindungan perjalanan peribadi sampingan tidak terpakai semasa perjalanan domestik. • Produk ini boleh dikeluarkan atas dasar bernama atau tidak bernama dengan bilangan minimum 5 orang pekerja. Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.
--

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Jika tiada tuntutan dibuat, sebarang bayaran balik selepas pembatalan adalah tertakluk kepada terma & syarat dalam polisi.